

SIARAN MEDIA

PENGHANTARAN PULANG ANAK GIANT PANDA, YI YI DAN SHENG YI

Pada 21 Mei 2014, Kerajaan Malaysia telah dipinjamkan sepasang Giant Panda iaitu Xing Xing dan Liang Liang sempena sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) bagi tempoh 10 tahun bermula daripada tarikh ketibaan pasangan Giant Panda tersebut di Malaysia.

Melalui hasil kejayaan konservasi ex-situ Malaysia, Giant Panda Liang Liang telah melahirkan 3 ekor anak betina iaitu Nuan Nuan, Yi Yi dan Sheng Yi.

Anak Giant Panda pertama, Nuan Nuan telah dihantar pulang ke RRC pada tahun 2017, manakala Yi Yi dan Sheng Yi akan dihantar pulang pada 29 Ogos 2023 (Selasa).

Penghantaran pulang anak Giant Panda dilaksanakan sebagai mematuhi Perjanjian Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda antara Malaysia dan RRC. Sebelum ini, cadangan penghantaran Yi Yi tertangguh kerana penutupan pintu masuk ke RRC akibat penularan pandemik Covid-19.

Terdahulu, China Cultural Centre Kuala Lumpur (CCCKL) dengan kerjasama Zoo Negara telah menganjurkan Majlis Sambutan Ulang Tahun Kelahiran ke-17 pasangan Giant Panda iaitu Xing Xing dan Liang Liang pada 23 Ogos 2023 bertempat di Pusat Konservasi Giant Panda (PKGP), Zoo Negara.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Abdul Wahid Abu Salim. Majlis Sambutan Ulang Tahun Kelahiran ke-17, Xing Xing dan Liang Liang dilihat dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara habitat dan spesies hidupan liar terancam, serta memperkukuh kerjasama di antara kedua-dua negara.

Majlis turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Pejabat Kedutaan Republik Rakyat China ke Malaysia, Malaysia-China Chamber of Commerce dan Malaysian Zoological Society (MZS). Majlis ini telah diserikan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti pertunjukan kebudayaan Sichuan serta pertandingan melukis dan mewarna.

NRECC berharap diplomasi Giant Panda dapat mengukuhkan lagi persefahaman antara Malaysia dan RRC.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

25 OGOS 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia